

Jenis Akhbar : *Bernama Online*
Tarikh : 29/08/2017
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com

Program Pelancongan Koperasi Sekolah Sasar Pendapatan RM1 Juta

Tarikh kemaskini: 29/08/2017

JERANTUT 29 Ogos (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) menyasarkan pendapatan kira-kira RM1 juta tahun ini menerusi 500 koperasi sekolah yang melaksanakan program pelancongan.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata sasaran itu ditetapkan berdasarkan pendapatan RM500,000 yang diperolehi tahun lepas dengan sektor pelancongan kini mendapat sambutan di negara ini.

Sehubungan itu, beliau menggesa sekolah yang mempunyai koperasi supaya merebut peluang daripada Program Koperasi Sekolah (PKS) yang berpotensi memberi sumbangan besar kepada pendapatan koperasi.

"PKS bukan sahaja dapat meningkatkan perolehan koperasi sekolah, malah ia dapat mendidik pelajar menjadi usahawan berjaya apabila mereka tamat persekolahan nanti," katanya.

Abdul Fattah berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Penutupan Program Lawatan Best 14 PKS Pelancongan Bersama Antara Sekolah (Istac) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Temin di sini, hari ini. Turut hadir pengetua sekolah itu Rusma Md Taha.

Abdul Fattah memberitahu setakat ini, terdapat 500 koperasi sekolah yang melaksanakan PKS daripada keseluruhan 2,345 koperasi sekolah di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, sebanyak 60 koperasi dikenal pasti aktif dalam PKS termasuk tiga koperasi sekolah di Pahang yang menumpukan kepada keunikan ekopelancongan negeri ini.

Beliau menjelaskan hanya sekolah yang mempunyai prasarana sesuai yang boleh melaksanakan PKS kerana terletak berdekatan dengan tempat tarikan tertentu.

"SMK Temin memfokuskan kepada Taman Negara Kuala Tahan manakala SMK Abu Bakar Temerloh kepada Pusat Konservasi Gajah Kuala Gandah di Lanchang," katanya sambil memberitahu bahawa Angkasa akan terus membantu semua koperasi sekolah di seluruh negara dengan pelbagai program.

-- BERNAMA